

29 APR 2002

PERDANA MENTERI AKAN SAMPAIKAN AMANAT HARI PEKERJA

KUALA LUMPUR, 29 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan amanat Hari Pekerja kepada anggota perkhidmatan awam pada satu majlis sempena Hari Pekerja, Rabu ini.

Kira-kira 800 orang termasuk ketua-ketua setiausaha kementerian, ketua-ketua jabatan, ahli-ahli kesatuan gabungan Cuepacs dan Majlis Bersama Kebangsaan (MBK) akan menghadiri Majlis Perhimpunan Hari Pekerja Sektor Awam 2002 bertempat di Institut Tadbiran Awam Negara (Intan), Bukit Kiara.

Setiausaha agung Cuepacs, Abdul Rahman Manan dalam satu kenyataan hari ini berkata, majlis yang diadakan buat kali kedua itu dianjurkan bersama oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, Intan dan Cuepacs.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Dompok, Menteri Sumber Manusia Datuk Dr Fong Chan Onn, Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Osman Samsudin dan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Jamaluddin Ahmad Damanhuri akan turut hadir pada majlis yang akan memberi peluang kepada wakil pekerja untuk berdialog mengenai isu-isu semasa dalam sektor awam.

Abdul Rahman berkata RTM akan menyiarkan secara langsung ucapan Dr Mahathir dan berharap semua kakitangan awam menghayatinya.

-- BERNAMA

HM AHH MOZ